

# KONSEP KEASLIAN DALAM UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Marina Hj. Hashim  
Mazita Mohamed\*

*Artikel ini akan membincangkan satu prinsip utama dalam Undang-undang Hakcipta. Perlindungan hakcipta hanya diberikan kepada karya asli (original). Perbincangan dimulakan dengan merujuk kepada sejarah perkembangan pemakaian undang-undang hakcipta di Malaysia. Menurut Akta Hakcipta 1987, sesuatu karya sastera, muzik atau seni layak mendapat hakcipta jika terdapat usaha yang mencukupi dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli dan karya itu telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan. Prinsip keaslian akan diperjelas melalui kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah. Perbandingan akan diberikan kepada perbezaan di antara idea dengan pernyataan idea itu sendiri. Seterusnya, penekanan akan dijuruskan kepada kedudukan konsep keaslian dalam dikotomi di atas.*

## PENDAHULUAN

Pada dasarnya, Undang-undang Hakcipta merupakan salah satu cabang Undang-undang harta intelek. Hakcipta ialah suatu hak ke atas harta benda (*property right*) yang diperuntukkan oleh undang-undang. Hakcipta berbeza daripada paten, reka bentuk berdaftar dan tanda niaga kerana perlindungan hakcipta diberikan secara automatik iaitu sebaik sahaja sesuatu karya dicipta, ditulis atau direkod.<sup>1</sup> Karya berkenaan juga mestilah satu karya asli.<sup>2</sup> Syarat berkenaan walau bagaimanapun hanyalah terpakai untuk karya sastera, muzik atau karya seni.<sup>3</sup>

## Sejarah

Selepas kemerdekaan Malaya pada tahun 1957, terdapat dua akta berhubung hakcipta yang digunapakai iaitu Akta Hakcipta 1911 dan Enalunen

---

\* Marina Hj. Hashim dan Mazita Mohamed, pensyarah undang-undang, Sekolah Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.

Hakcipta Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Cap 73). Draf rang Undang-undang Hakcipta 1969 telah dirangka dengan memasukkan peruntukan tertentu yang bersesuaian dengan keperluan negara pada masa itu. Ia dibuat seiring dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun. Draf tersebut telah diterimapakai di seluruh Malaysia sebagai Akta Hakcipta 1969 pada 1 Ogos 1969. Akta tersebut memansuhkan penggunaan Akta Hakcipta 1911, Enakmen Hakcipta Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Cap 73) dan Undang-undang Hakcipta lain yang terpakai sebelumnya.<sup>4</sup>

Akta Hakcipta 1969 telah digantikan dengan Akta Hakcipta 1987 yang mula berkuatkuasa pada 1 Disember 1987. Undang-undang ini memberi hak kepada penulis untuk mengeksploitasi hasil karyanya untuk suatu tempoh yang tertentu.<sup>5</sup> Penulis juga berhak untuk mengawal pengeluaran semula dan persembahan karya berkenaan.

#### SKOP PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG HAKCIPTA: PRINSIP KEASLIAN

##### Keaslian

Keperluan tentang keaslian tidak diperuntukkan secara nyata dalam *Berne Convention*.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, *Convention* ini memberi perlindungan kepada pencipta berdasarkan usaha intelek (*intellectual creation*) beliau. Dengan kata lain, keaslian di bawah *Berne Convention* adalah merujuk kepada hasil karya yang menggunakan usaha intelek seseorang.<sup>7</sup>

Tahap keaslian yang diperlukan dalam memberi perlindungan hakcipta berbeza bagi negara-negara yang menyertai *Berne Convention*. Sebagai contoh, sebelum 1911, United Kingdom telah menerimapakai satu kayu ukur yang rendah dalam menilai tahap keaslian sesuatu karya. Dalam kes *Walter lwn. Lane*,<sup>8</sup> House of Lords telah memutuskan bahawa seorang wartawan layak mendapat perlindungan hakcipta ke atas laporan penuh dan tepat (*verbatim*) satu ucapan umum. Manakala dalam kes *Express Newspapers Plc lwn. News (U.K.) Ltd.*,<sup>9</sup> yang merujuk kepada Akta Hakcipta 1911, kayu ukur bagi menguji keaslian masih lagi rendah. Plaintiff dalam kes tersebut telah mendakwa defendan melakukan satu pelanggaran hakcipta berhubung temuramah eksklusif plaintiff dengan Ms Ogilvy. Defendan dalam suratkabarnya, telah memetik semula kata-kata penuh (*verbatim quotation*)

Ms Ogilvy yang telah dicetak di dalam artikel plaintiff. Mahkamah memutuskan bahawa keaslian tidak bermaksud menghasilkan sesuatu yang baru tetapi memadai jika ia dihasilkan dengan usaha, tenaga dan penilaian (*effort, labour and judgment*) wartawan berkenaan.

Kes di atas menjelaskan bahawa pada dasarnya, ujian bagi keaslian di bawah *Berne Convention* adalah lebih tinggi berbanding kes-kes mahkamah yang diputuskan di United Kingdom. Sejauh mana penerimaan ujian keaslian ini terpakai di Malaysia akan disentuh dengan lebih lanjut melalui penjelasan di bawah.

##### Keaslian dalam idea atau pernyataan idea

Karya yang dilindungi mestilah asli. Dalam konteks ini, asli tidak bermaksud baru atau inovatif. Keaslian suatu karya adalah tertakluk kepada dua prinsip utama. Pertama, karya berkenaan mestilah hasil ciptaan pencipta itu sendiri. Kedua, pencipta mestilah telah menggunakan kemahiran, tenaga dan pemikiran yang mencukupi dalam mencipta karyanya. Isu ini diutarakan oleh Hakim Peterson dalam kes *University of London Press lwn. University Tutorial Press*.<sup>10</sup>

*“ The word ‘original’ does not in this connection mean that the work must be the expression of original or inventive thought. Copyright Acts are not concerned with the originality of ideas, but with the expression of thoughts... The work must not be copied from another work-it should originate from the author”.*

Kes di atas melibatkan pelanggaran hakcipta oleh defendan berhubung cetakan semula tiga soalan peperiksaan matematik. Pihak defendan telah mencetak soalan berkenaan berserta komen dan model jawapan. Defendan ketika menafikan pelanggaran hakcipta, telah menimbulkan dua isu. Pertama ialah sama ada kertas soalan plaintiff merupakan satu karya sastera. Kedua, sama ada karya tersebut satu karya asli. Mahkamah memutuskan bahawa kertas soalan peperiksaan yang disediakan oleh plaintiff ialah satu karya sastera asal walaupun soalan berkenaan telah diambil daripada maklumat atau pengetahuan umum setiap ahli matematik.

Daripada keputusan kes di atas, dapat disimpulkan bahawa maklumat atau pengetahuan umum merupakan idea dan ia tidak dilindungi oleh undang-undang hakcipta. Apabila sesuatu idea diungkapkan dengan menggunakan

usaha (tambahan, nota dan komen kepada soalan) defendan untuk menghasilkan satu karya yang lain; maka karya itu ialah satu karya asal dan berhak untuk mendapat perlindungan hakcipta.

Dalam kes *Lau Foo San lwn. Government of Malaysia*<sup>11</sup>, plaintiff, seorang jurutera telah menyediakan lukisan kejuruteraan dan reka bentuk bilik darjah untuk Kementerian Pendidikan. Terdapat persetujuan antara mereka bahawa hakcipta lukisan tersebut dipunyai oleh plaintiff. Walau bagaimanapun defendan boleh membeli hakcipta berkenaan dan berhak menggunakan lukisan dan reka bentuk tersebut dengan sedikit bayaran. Dalam tindakan mahkamah bagi pelanggaran hakcipta di bawah Enakmen Hakcipta Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Cap 73), defendan menyatakan bahawa lukisan tersebut bukanlah karya asal plaintiff kerana ia disalin daripada lukisan defendan. Di peringkat rayuan, mahkamah memutuskan bahawa tiada bukti yang menunjukkan penyalinan secara langsung dibuat oleh pihak plaintiff. Persamaan mungkin wujud dalam aspek perincian binaan (*architectural details*) sahaja. Oleh yang demikian, lukisan berkenaan diputuskan sebagai karya asal plaintiff.

Ketiga-tiga Hakim Mahkamah Persekutuan bersependapat bahawa keaslian di bawah hakcipta merujuk kepada keaslian dalam pernyataan idea (*the expression of idea*) bukannya idea itu sendiri. Menurut Ali FJ dengan persetujuan Azmi LP dan Suffian CJ:

*“ The word [originality] as it stands clearly does not mean originality of idea or thought. It refers to the work either published or unpublished. Originality of idea is not the subject matter of copyright.”*<sup>12</sup>

Walaupun kes ini diputuskan di bawah Enakmen Hakcipta Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Cap 73), ia masih merupakan satu kes otoriti utama bagi kedudukan prinsip keaslian di Malaysia.

### Karya berasal daripada pencipta

Penyalinan semula satu karya tidak akan memberi perlindungan hakcipta kepada salinan tersebut.<sup>13</sup> Keperluan bahawa karya berkenaan mesti datang dari pencipta dan bukannya disalin daripada karya orang lain telah ditegaskan di dalam kes *Ladbroke (Football) Ltd. lwn. William Hill (Football) Ltd.*<sup>14</sup> Keaslian menurut Hakim Pearce ialah:

*“... only that the work should not be copied but should originate from the author”.*<sup>15</sup>

Satu karya akan dikira karya asal dan layak untuk perlindungan hakcipta walaupun ia sama dengan karya lain dengan syarat karya tersebut telah dihasilkan sendiri (*independent creation*). Dalam kes *L.B. Plastics Ltd. lwn. Swiss Products Ltd.*,<sup>16</sup> Lord Wilberforce menyatakan:

*“there can be no copyright in an idea...the protection given by the law of copyright is against copying, the basis of the protection being that one man must not be permitted to appropriate the result of another's labour.”*

### Usaha yang mencukupi

Berdasarkan kepada Seksyen 7(3)(a) Akta Hakcipta 1987 [Akta 1987], usaha yang mencukupi (*sufficient effort*) mestilah telah dilakukan untuk menjadikan sesuatu karya itu asli. Sebagai perbandingan, Seksyen 8 Akta 1987 memperuntukkan satu kayu ukur yang tinggi bagi menilai keaslian satu karya terbitan.<sup>17</sup>

Walaupun bagaimanapun, tiada definisi diperuntukkan oleh Akta 1987 tentang kuantum usaha yang mencukupi.<sup>18</sup> Keaslian dalam konteks ini merujuk kepada sumbangan usaha dalam penciptaan sesuatu karya.<sup>19</sup> Secara konsepnya, usaha yang sedikit sahaja cukup dan memadai untuk diberikan perlindungan hakcipta. Ini berdasarkan kepada doktrin '*sweat of brow*'. Jika karya itu dihasilkan oleh pencipta dengan menggunakan kemahiran, tenaga atau pengalamannya dan tidak menyalin daripada karya lain, maka karya tersebut layak untuk mendapat perlindungan hakcipta.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan para hakim dalam mendefinisikan bentuk sumbangan oleh pencipta dalam menghasilkan sesuatu karya bagi memenuhi keperluan '**usaha yang mencukupi**'. Sebagai contoh, Lord Pearce dalam *Ladbroke (Football) Ltd. lwn. William Hill (Football) Ltd.*<sup>20</sup> telah mengambil kira tiga perkara dalam menentukan usaha yang mencukupi iaitu '*work or skill or expense*'.<sup>21</sup> Sebaliknya Lord Atkinson dalam *MacMillan & Co. Ltd. lwn. Cooper & Co. Ltd.* telah mengutarakan usaha yang mencukupi sebagai ilmu, tenaga, keputusan, kemahiran sastera atau cita rasa (*knowledge, labour, judgment, literary skill or taste*).

Merujuk kembali kepada kes *Lau Foo San*,<sup>22</sup> keperluan tentang usaha yang mencukupi sememangnya selari dengan konsep pernyataan idea atau ciptaan karya yang memerlukan usaha, kemahiran dan pendapat dalam proses penciptaan sesuatu karya asli.<sup>23</sup>

## Maksud usaha yang mencukupi

Berapa banyakkah sumbangan usaha yang dikehendaki oleh undang-undang untuk menjadikan sesuatu karya itu asli? Jumlah kemahiran dan usaha yang diperlukan untuk menjadikan karya itu asli bergantung kepada fakta sesuatu kes.<sup>24</sup> Bagi satu karya yang baru, adalah agak mudah untuk menentukan sama ada kemahiran atau usaha yang disumbangkan itu mencukupi untuk menjadikan karya itu asli. Sebaliknya, bagi pengumpulan fakta atau maklumat yang sedia ada atau daripada fakta umum dan karya yang dihasilkan berdasarkan ciptaan yang sedia ada; penentuan sama ada usaha yang mencukupi telah digunakan akan menjadi lebih sukar.<sup>25</sup> Keadaan ini boleh dilihat dalam kes *Cala Homes (South) lwn. Alfred McAlpine Homes East Ltd.*,<sup>26</sup> seorang arkitek telah dikatakan menggunakan kemahiran dan usaha yang mencukupi dalam menghasilkan satu reka bentuk baru dengan menggabungkan ciri-ciri daripada reka bentuk yang terdahulu. Oleh yang demikian, pengumpulan bahan yang sedia ada layak untuk mendapat hakcipta sekiranya pencipta menggunakan kemahiran, tenaga dan pemikiran yang mencukupi dalam menghasilkan karya berkenaan.

Majlis Privy telah menetapkan satu kayu ukur yang tinggi iaitu *significant visual differences* sebelum sesuatu karya seni boleh mendapat perlindungan hakcipta. Walau bagaimanapun Mahkamah Persekutuan Australia dalam kes *Interlego AG lwn. Croner Trading Pty. Ltd.*<sup>27</sup> tidak menerima pakai kayu ukur tersebut dan menyatakan bahawa sesuatu karya seni yang dihasilkan berdasarkan karya yang sedia ada, akan mendapat perlindungan jika kemahiran, penilaian dan tenaga yang mencukupi telah digunakan dalam penghasilannya. Kemahiran yang dimaksudkan termasuklah kemahiran menyalin atau meniplak sesuatu karya lain.

Dalam kes *Feist Publications Inc. lwn. Rural Telephone Service Co. Inc.*<sup>28</sup> mahkamah telah menolak perlindungan hakcipta bagi pengumpulan bahan berdasarkan fakta penuh yang sedia ada sahaja. Kes ini melibatkan bahagian '*White Pages*' di dalam buku panduan telefon yang dinafikan perlindungan hakcipta. Ini adalah kerana buku tersebut merupakan hasil daripada usaha sahaja (*effort only*) tanpa melibatkan kemahiran dan penilaian (*skill and judgment*). '*White Pages*' hanya melibatkan penyusunan nama mengikut abjad bersama-sama alamat dan nombor telefon. Sebaliknya '*Yellow Pages*' layak untuk mendapat perlindungan hakcipta kerana penyusunan dan pengkelasan sistemnya melibatkan penggunaan kemahiran dan penilaian.

Tambahan pula, terdapat karya lain di dalam '*Yellow Pages*' seperti iklan yang dilindungi oleh undang-undang hakcipta.

## Peringkat penggunaan usaha yang mencukupi

Persoalan yang mungkin timbul seterusnya ialah berhubung dengan peringkat penggunaan kemahiran, tenaga dan pemikiran itu sendiri dalam memenuhi kriteria keaslian; iaitu sama ada di peringkat permulaan ataupun peringkat akhir ciptaan sesuatu karya. Penggunaan usaha sukar untuk dibezakan sama ada di peringkat awal atau akhir penghasilan karya. Oleh kerana kedua-dua peringkat tersebut tidak dapat dipisahkan, usaha yang digunakan di peringkat awal akan diambil kira dalam menentukan keaslian sesuatu karya. Perlindungan hakcipta akan diberikan kepada karya yang menggunakan usaha yang mencukupi dalam menghasilkan karya tersebut.<sup>29</sup>

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas jelaslah bahawa sesuatu karya akan diberi perlindungan hakcipta jika ia adalah karya asal. Keaslian tidak merujuk kepada sesuatu yang bersifat baru. Sesuatu karya dikira asli sekiranya ia merupakan hasil usaha intelek (*intellectual effort*) seseorang individu atau pencipta. Keperluan tentang usaha yang mencukupi telah diperuntukkan di bawah seksyen 7(3)(a) Akta 1987. Namun, pemakaian peruntukan berkenaan masih lagi samar kerana tiada definisi khusus diberikan oleh Akta 1987 berkenaan frasa 'usaha yang mencukupi' tersebut. Keputusan kes mahkamah menunjukkan perbezaan pendapat di kalangan para hakim dalam menentukan makna usaha yang mencukupi itu sendiri. Walaupun masih terdapat kekeliruan, perlindungan hakcipta tetap penting untuk menggalakkan perkembangan pernyataan idea kreatif seseorang pencipta dan menjamin perlindungan ke atas sesuatu karya yang dihasilkannya itu.

<sup>1</sup> Seksyen 7(3)(b) Akta Hakcipta 1987

<sup>2</sup> Seksyen 7(3)(a) Akta Hakcipta 1987

<sup>3</sup> Kategori karya sastera, seni dan muzik didefinisikan di bawah S. 3 Akta Hakcipta 1987

<sup>4</sup> Akta Hakcipta UK 1956, Ordinan Hakcipta (Cap 160), Ordinan Hakcipta Telegram (Cap 161) dan Enakmen Hakcipta Telegram (Cap 74)

<sup>5</sup> Bahagian III Akta Hakcipta 1987

<sup>6</sup> Malaysia menjadi ahli kepada Berne Convention pada 1/10/1990.

<sup>7</sup> Artikel 2(5) Akta Stockholm(1967) dan Paris(1971) Berne Convention

- <sup>8</sup> [1900] A.C. 539. Keputusan dibuat berdasarkan kepada Akta Hakcipta Sastera 1842
- <sup>9</sup> [1990] F.S.R. 359 (Browne-Wilkinson V.C.), merujuk kepada keputusan Mahkamah tinggi Australia di dalam kes *Sands McDougall Proprietary Ltd v. Robinson* (1917) 23 C.L.R. 49
- <sup>10</sup> [1916] 2 Ch 601
- <sup>11</sup> [1974] 1MLJ 28. Kes ini merujuk kepada Enakmen Hakcipta Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Cap 73).
- <sup>12</sup> *Ibid*, 30.
- <sup>13</sup> kata-kata Lord James dalam *Walter v. Lane* [1900] A.C. 539, 554.
- <sup>14</sup> [1964] 1WLR 273
- <sup>15</sup> *ibid*, 291.
- <sup>16</sup> [1979] F.S.R. 145
- <sup>17</sup> Kategori karya terbitan diperuntukkan di dalam s 8(1)(a) dan (b) Akta Hakcipta 1987
- <sup>18</sup> Lihat kata-kata Upjohn J di dalam kes *Football (League) Ltd. v. Littlewoods Pools Ltd*. [1959] Ch 637
- <sup>19</sup> Khaw Lake Tee. (1994). *Copyright Law in Malaysia*. Malaysia: Butterworths Asia, 17.
- <sup>20</sup> *Supra* n-6
- <sup>21</sup> Lord Templeman di dalam *British Leyland Motor Corp. Ltd. v. Armstrong Patents Co. Ltd*. [1986] 2 WLR 400 di m/s 419 merujuk kepada 'skill and labour' di dalam menentukan usaha yang mencukupi.
- <sup>22</sup> *Supra* n-10
- <sup>23</sup> Khaw Lake Tee, *supra* n-12, 17.
- <sup>24</sup> *MacMillan & Co Ltd v Cooper* (1924) 40 TLR 186 m/s 190: lihat juga *Football League Ltd v Littlewoods Pools Ltd* [1959] Ch 637 m/s 652
- <sup>25</sup> *Supra* n-8
- <sup>26</sup> [1995] F.S.R 818
- <sup>27</sup> (1993) 25 IPR 65.
- <sup>28</sup> (1991) S.Ct. 1282. Kes ini secara tidak langsung menolak pemakaian doktrin 'sweat of the brow'.
- <sup>29</sup> *Supra* n-17

## BIBLIOGRAFI

Akta hakcipta 1987

Bainbridge, DI. (1994). *Intellectual property* (2<sup>nd</sup> ed.). London: Pitman Publishing.

Colston. C. (1999). *Principles of intellectual property*. London: Cavendish Publishing Ltd.

Cornish. WR. (1989). *Intellectual property: Patents, copyright, trade mark and allied rights* (2<sup>nd</sup> ed.). London: Sweet and Maxwell.

Endeshaw, A. (1998). *Harmonization of intellectual laws in ASEAN: Issues and prospects. Working papers series 9*. Singapore: Nanyang Technological University.

Garnett K.M. et.al. (1999). *Copinger and Skone James on copyright* (14<sup>th</sup> ed.). London: Sweet and Maxwell.

Ida Madieha Abdul Ghani Azmi.(1998). *Electronic works and copyright: The demise of public interest*. Kuala Lumpur: The Malayan Law Journal, 1,ci.

Khaw Lake Tee. (1994). *Copyright law in Malaysia*. Malaysia: Butterworth Asia.

Lahore J. (1988). *Intellectual property in Australia – Copyright*. Sydney: Butterworths.

Ricketson, S. (1994). *Intellectual property. Cases materials and commentary*. Sydney: Butterworths.

Rohazar Wati Zuallcoble. (1999) *Undang-undang hakcipta di Malaysia*. Kuala Lumpur: Tetapvest Sdn. Bhd.